

TALKING POINT

*BRIG. JEN. DATO' PROF. DR. KAMARUDIN HUSSIN*

*NAIB CANSELOR*

UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS

SEMPENA SENAMROBIK DAN PERJUMPAAN MINGGUAN

PADA 14 APRIL 2010

DI MULTIPURPOSE COURT KUBANG GAJAH

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam

Satu Malaysia

Yang Berbahagia Prof. Dr. Sazali Yaacob, Timbalan Naib  
Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UniMAP

Yang Berbahagia Prof. Dr. Zul Azhar Zahid Jamal, Timbalan  
Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UniMAP

Pegawai-pegawai Utama Universiti

Dekan-dekan dan Ketua-ketua Jabatan, serta kakitangan Universiti Malaysia Perlis yang saya dikasihi sekalian.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam  
Satu Malaysia

Selamat Pagi, Good Morning, Kalai Vannakam, Cao Shang  
Hao, Magandang umaga (Bahasa Filipina), ahroonsawad  
(Thailand).

Ladies and gentlemen,

- Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah rahmat dan keizinanNya dapat kita bersama-sama dalam majlis senamrobik pada pagi indah ini sekaligus dapat mengeratkan lagi hubungan antara kakitangan UniMAP.
- Di sini saya ingin mengambil kesempatan untuk merakamkan ucapan terima kasih dan setinggi-tinggi tahniah kepada semua yang terlibat dengan kejayaan penganjuran Majlis Anugerah Sukan Masum 2009 yang diadakan baru-baru ini.
- Saya juga amat berbangga kerana majlis tersebut diiktiraf sebagai penganjuran terbaik oleh MASUM dan ini membuktikan kita mampu menjadi pengajur hebat bagi sebarang acara walaupun tanpa fasiliti yang lengkap.

Hadirin dan hadirat sekalian,

- Mungkin ramai yang sudah mengetahui mengenai lawatan Y.A.B Timbalan Perdana Menteri Tan Sri

Muhyiddin Haji Mohd Yassin ke negeri Perlis semalam. Kita seharusnya bersyukur kerana dalam sesi lawatan itu juga , beliau sudi merasmikan 2 program anjuran UniMAP iaitu “Pelancaran Bengkel Pemikiran Kritis Dalam Pendidikan Matematik” dan “Program Pemerkasaan Pelajar Cemerlang Negeri Perlis Siri II”.

- Saya juga berasa amat berbangga di atas kesudian beliau merasmikan kedua-dua program tersebut kerana ini membuktikan pucuk pimpinan negara menyokong program yang kita anjurkan.

Hadirin dan hadirat sekalian,

- Baru-baru ini, YAB Perdana Menteri menggariskan empat nilai asas agenda nasional bagi merealisasikan matlamat Malaysia sebagai sebuah negara maju yang berpendapatan tinggi ialah pengeluaran modal insan yang berkualiti.

- Perkara pertama adalah “Membudayakan Kreativiti dan Inovasi”. Kita mestilah mampu berfikir di luar lingkungan kotak bagi berfikiran kritis dan konstruktif dalam menunaikan tanggungjawab dan amanah dengan mencari penyelesaian-penyelesaian kreatif dan inovatif di luar kelaziman.
- Kedua, mementingkan “Kepantasan bertindak dan membuat keputusan”. Kepantasan bertindak dan membuat keputusan seperti ini akan juga meningkatkan halaju kitaran wang dalam sistem ekonomi negara, keputusan cepat, pantas dan tanpa bertangguh perlu dibuat terutamanya yang melibatkan kelulusan, tender, kontrak, sebut harga, pembayaran kerja dan lain-lain perkara yang melibatkan implikasi kewangan kerana ia mampu merangsang pertumbuhan ekonomi negara seterusnya menambah kekayaan nasional.
- Ketiga, “Nilai untuk Wang atau "Value for money" dan keempat, nilai integriti. Dalam aspek ini, pembaziran, penyelewengan dan gejala salah urus hendaklah dihapuskan daripada pengurusan kewangan awam.

Sesungguhnya, setiap ringgit dan sen perbelanjaan hendaklah mendapat pulangan nilai paling maksima kepada kerajaan dan rakyat. Dalam kata lain, kita perlu berhemah dalam perbelanjaan.

- Keempat, “Nilai Integriti” : Nilai Integriti. Sememangnya, transformasi ke arah menjadi masyarakat maju bukan sahaja diasaskan kepada kemajuan ekonomi dan teknologi, tetapi juga ke majuan dalam pembangunan sosial, budaya, intelek dan rohani. Fokus terpenting bagi pembangunan sedemikian ialah peningkatan dan pemantapan etika dan integriti yang perlu menjadi budaya masyarakat. Ringkasnya, tanpa integriti maka segalanya tidak akan bermakna.
- Sebagai penjawat awam, kita perlulah mempunyai keempat-empat nilai asas tersebut kerana kita merupakan golongan yang bertanggungjawab bagi memelihara kepentingan awam di negara ini.
- Sebelum saya mengakhiri ucapan, terimalah serangkap pantun:

Sekian,

Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Terima Kasih.